

(1)04/C/P/NKD/656/2/Jil.2/2006

23 Mei 2006

Pk (EL) MPOB 01/2006

Semua Pemegang Lesen Peniaga Buah Kelapa Sawit - Koperasi

Tuan

**SYARAT LESEN KHUSUS YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI PENIAGA
BUAH KELAPA SAWIT BAGI KOPERASI YANG DILESENKEN DALAM
RANCANGAN FELDA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Walau bagaimana pun, bagi koperasi yang menjalankan aktiviti menjual, mengalih dan membeli buah kelapa sawit dalam rancangan Felda, Menteri telah menetapkan syarat khusus sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 78 (1) (a) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582). Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2006** yang memperincikan syarat khusus tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat khusus dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

“MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH”

Yang benar,

DR MOHD BASRI WAHID

Ketua Pengarah
MPOB

- s.k. .i. Pengarah Besar Felda
.ii. Yang Dipertua PKPKM
.iii. Semua Ketua Wilayah MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeling :Pk (EL) MPOB 01/2006
Tarikh Kuatkuasa :
Perkara :
**SYARAT LESEN KHUSUS YANG DIKENAKAN KE ATAS
KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT BAGI KOPERASI
YANG DILESENKEN DALAM RANCANGAN FELDA**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan syarat lesen bagi aktiviti menjual, mengalih dan membeli buah kelapa sawit bagi koperasi yang berurusniaga di dalam rancangan Felda.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga kali ke-4 telah memutuskan untuk memberikan koperasi yang beroperasi di dalam rancangan Felda memperolehi lesen menjual, mengalih dan membeli buah kelapa sawit di dalam rancangan Felda.
- 2.2 Susulan daripada itu, pada 11 Oktober 2001, Menteri telah menetapkan syarat khusus ke atas pemegang lesen kategori peniaga buah kelapa sawit koperasi yang beroperasi di dalam rancangan Felda sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 78 (1) (a) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582).

3.0 SYARAT LESEN KHUSUS

- 3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga buah kelapa sawit iaitu bagi aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah kelapa sawit sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.
- 3.2 Walau bagaimana pun bagi pemegang lesen kategori peniaga buah kelapa sawit koperasi yang beroperasi di dalam rancangan Felda, syarat sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga buah kelapa sawit iaitu bagi aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah kelapa sawit adalah terpakai kecuali syarat 1 dan syarat 2 dimansuhkan dan diganti dengan syarat khusus sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Menteri pada 11 Oktober 2001. Syarat-syarat khusus adalah seperti berikut:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

“Pemegang lesen hanya dibenarkan membeli atau mengalih buah kelapa sawit dari peneroka Felda sahaja”; dan

“Pemegang lesen hanya dibenarkan menjual atau mengalih buah kelapa sawit kepada kilang buah kelapa sawit Felda sahaja.”

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2006 [Pk (EL) MPOB 01/2006] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori peniaga buah kelapa sawit koperasi yang beroperasi di dalam rancangan Felda.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dr Mohd Basri Wahid".

DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>